



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKj
JALAN CEMPAKA PUTIH
OFF JALAN SEMENYIH
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj T 11/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Pasir Emas 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, Jalan Cendana 1, 2, 3, 4, 5 Dan 6, Zon 8, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G3	CE01 & CE21	RM250.00	5 Ogos 2022 Hingga 19 Ogos 2022
MPKj T 27/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Bangi Indah 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 14, 16 Dan 18, Zon 24, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj T 28/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Bukit Kajang Baru 1, 2, 2A, 2B, 2C, 2D, 2E, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, Jalan Jasmin 1, 2, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 16A, 16B, 16C, 17, 18, 19, 20, 21, 22, Zon 15, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj T 22/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Utama Cheras Perdana, Jalan Suakasih 2/1, 2/1A, 2/2, 2/3, 2/3A Dan Jalan Cheras Mewah 1, 2 Dan 3, Taman Cheras Mewah, Zon 4, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G4			
MPKj T 24/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Pinggiran Delima 1/1, 1/2, 1/3, 1/4, 1/5, 1/6, 2/1, 2/3, 2/4, Jalan Wawasan 1, 1A, 1B Dan 1C, Zon 1, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj T 25/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Wangsa, 1/2, 1/3, 1/4, 1/5, 1/6, 1/7, 1/8, 2/1, 2/2, 2/3, 2/4, 2/5, 2/6, 2/7, 2/8, 2/9, 2/10 Dan Jalan Cheras Hartamas 1, 2, 3, 4, Zon 2, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Petender boleh merujuk Dokumen Meja Terkawal di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <http://www.mpkj.gov.my/ms>.

Pembelian Secara Manual Sahaja

Petender diwajibkan untuk melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup tender. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Petender perlu membeli Dokumen Tawaran secara manual di kaunter **Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan**, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang dengan bayaran Dokumen Tawaran dalam bentuk Wang Tunai/ Bank Draf/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos sahaja di atas nama Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Kajang.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada Petender yang sah sahaja bermula tarikh **5 OGOS 2022 HINGGA 19 OGOS 2022**. Untuk maksud ini Petender hendaklah membawa **sijil pendaftaran asal** dan salinan seperti berikut:

- i) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);**
- ii) **Sijil Taraf Bumiputera (STB);**
- iii) **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB); dan**
- iv) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
* Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.

Petender yang pernah memasuki tawaran bagi tajuk projek tersebut adalah dipelawa menyertai tender dan boleh mengambil dokumen secara **PERCUMA** di kaunter **Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan**, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang pada **5 OGOS 2022 HINGGA 19 OGOS 2022** pada waktu pejabat 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 19 OGOS 2022 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebutarga/ Tender)
Tingkat 6A
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran dan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal lima (5) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Petender dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan tender bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan tender disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Petender mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).